

13/09/2000

Petani mangsa banjir dapat bantuan pemulihan

TANJUNG KARANG, Selasa - Petani yang rugi disebabkan banjir berikutan kejadian benteng pecah di Kampung Pantai Jalan Sungai Kajang di sini akan menerima bantuan pemulihan tanaman semula, tidak lama lagi.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar, Pertanian/Perhutanan dan Sukan, Datuk Raja Ideris Raja Ahmad, berkata mereka perlu bersabar kerana bantuan itu sedang diproses.

"Kerajaan pasti memberikan bantuan ganti rugi itu kepada mereka yang terbabit dan pemberian bantuan hanya akan diberi apabila tanah berkenaan tidak lagi mengandungi air masin," katanya selepas majlis penyampaian hadiah Pertandingan Menanam Sayur di sekolah peringkat negeri Selangor di sekolah Menengah Kebangsaan Tiram Jaya kira-kira 15 kilometer dari sini, hari ini.

Sebanyak 87 sekolah mengambil bahagian di peringkat daerah dan 16 daripadanya berjaya bertanding di peringkat negeri.

Raja Ideris berkata, petani terbabit tidak perlu bimbang kerana kerajaan sudah menyediakan peruntukan bagi kegunaan menanam semula tanaman mereka yang rosak disebabkan kejadian itu.

Sebelum itu beliau, berkata perancangan strategi pembangunan sektor pertanian Selangor mengambil kira Wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi Dasar Pertanian Negara serta Tonggak 10 Selangor iaitu, memodenkan sektor pertanian dan perladangan untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan bagi mengurangkan inflasi.

Sehubungan itu, katanya pertandingan menanam sayuran di sekolah rendah dan menengah sebagaimana yang dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Selangor adalah wajar kerana bukan saja memenuhi kehendak wawasan itu tetapi juga mendidik pelajar gemar bertani seterusnya membantu mengurangkan perbelanjaan harian ke pasar.

"Pelajar terbabit dengan kegiatan pertanian di sekolah pastinya bakal meneruskan usaha itu apabila tamat daripada dunia persekolahan seterusnya boleh membantu meningkatkan sektor pertanian," katanya.

Beliau berkata, banyak peluang ekonomi diperolehi berasaskan pertanian yang perlu direbut oleh rakyat dan pendidik wajar menyebarkan pengetahuan serta pengalaman mengenai pertanian di kalangan pelajar.

Dengan demikian, katanya mereka dapat membina cita-cita bukan saja menjadi pengeksport bahan makanan, pengurus ladang integrasi tetapi juga menjadi pengusaha sektor pertanian menggunakan teknologi tinggi.

(END)